

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 18.11.2025 MASA: 5:30PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MBSP SANTUNI
KOMUNITI

TARIKH / MASA / TEMPAT
23 NOVEMBER (AHAD)
10.30 PAGI

SURAU AL-MUHSININ, TAMAN SEPADU
SEBERANG PERAI UTARA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

- 1. Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid**
Datuk Bandar Seberang Perai
- 2. Yang Berbahagia Dato' Omar Bin Haji Abdul Hamid**
Ahli Majlis MBSP Merangkap Ketua Penyelaras Bersama
Program MBSP Santuni Komuniti
- 3. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**
Majlis Bandaraya Seberang Perai
- 4. Yang Berusaha TPr Hj Mohd Ridzal Bin Abdul**
Pengarah Perhubungan Komuniti Merangkap Penyelaras
Program MBSP Santuni Komuniti
5. Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai
- 6. Yang Berusaha Encik Mohammad Yazid Bin Hassan**
Pengerusi KRT
7. Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik
8. Rakan-Rakan Media
9. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. **Alhamdulillah**, segala puji dan kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang cukup bermakna ini dalam suasana yang harmoni dan penuh semangat kebersamaan bagi menjayakan **Program MBSP Santuni Komuniti** di Surau Al-Muhsinin, Taman Sepadu ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih** kepada semua pihak yang telah memberi komitmen dan sumbangan tidak berbelah bahagi dalam menjayakan program ini, khususnya kepada **Yang Berbahagia Dato' Omar bin Haji Abdul Hamid**, Ahli Majlis MBSP; rakan-rakan agensi kerajaan dan swasta; MPKK, KRT, JPKKP, NGO; serta seluruh komuniti Taman Sepadu, Taman Saga dan kawasan sekitarnya. **Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan inilah yang menghidupkan semangat komuniti yang sebenar.**
3. Program pada hari ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk merangka strategi pembangunan komuniti yang lebih inklusif, responsif dan berimpak

tinggi. MBSP sentiasa komited untuk mendekati rakyat, mendengar suara masyarakat, memahami keperluan setempat dan memastikan setiap dasar serta perkhidmatan dapat disampaikan dengan lebih efektif.

4. Melalui program seperti ini, masyarakat bukan sahaja dapat berinteraksi secara lebih dekat dengan MBSP, malah ia membuka ruang untuk kita membina hubungan yang lebih erat, lebih telus dan lebih mesra antara pentadbiran bandaraya dan penduduk. Saya difahamkan bahawa komuniti di Taman Sepadu ini terkenal dengan kerjasama erat dalam penganjuran aktiviti kejiranan. Semangat inilah yang ingin kita sebarkan ke seluruh Seberang Perai.

Hadirin yang dihormati,

5. Program MBSP Santuni Komuniti ini dirangka dengan beberapa objektif utama, antaranya untuk:
 - (a) **Memupuk semangat komuniti** dalam kalangan penduduk setempat;
 - (b) **Mengukuhkan hubungan silaturahim** antara pihak MBSP dan penduduk;
 - (c) **Mewujudkan perpaduan antara kaum**, serta merapatkan jurang perbezaan melalui aktiviti bersama; dan

(d) **Memberi perkhidmatan terus kepada penduduk**, secara inklusif dan sesuai untuk semua peringkat umur.

Usaha sebegini amat penting dalam membina masyarakat yang bukan sahaja berkembang dari sudut fizikal, tetapi juga kukuh dari segi nilai, budaya dan hubungan sosial. Bayangkan sebuah komuniti yang bukan sahaja bersih dan selesa, tetapi juga saling menjaga dan menyokong antara satu sama lain. Inilah Seberang Perai yang ingin kita bina bersama.

6. Pada hari ini, pelbagai aktiviti komuniti, pameran serta perkhidmatan agensi-agensi kerajaan dan swasta disediakan untuk manfaat penduduk. Program ini menyasarkan penglibatan hampir **500 orang**, satu angka yang menunjukkan sokongan kuat masyarakat setempat.
7. Antara aktiviti utama ialah Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, Pertandingan Sepak Penalti, Pertandingan Ukiran Buah Tembikai dan Pertandingan Tarik Tali. Turut memeriahkan program ini adalah pameran daripada Klinik Pergigian Daerah SPU, Klinik Kesihatan Daerah SPU, GF Eyewear, TMD Greentech, Perbadanan Perpustakaan dan Unit Kerja Sosial Perubatan Hospital Bukit Mertajam. Penglibatan daripada semua agensi ini membuktikan bahawa kesejahteraan komuniti adalah tanggungjawab bersama.
8. Tidak dilupakan, jamuan makan disediakan oleh **chef-chef hebat dari komuniti Tasek Gelugor** yang pasti dapat memenuhi cita rasa para

tetamu. Ini adalah bukti bahawa komuniti tempatan memiliki bakat, kepakaran dan potensi yang wajar terus digilap.

Hadirin sekalian,

9. Sebagai Datuk Bandar, saya berharap agar program ini menjadi pemangkin kepada hubungan yang lebih erat antara MBSP dan penduduk; mengukuhkan perpaduan serta semangat kejiranan dan memastikan komuniti di sini terus menjadi contoh masyarakat MADANI yang harmoni, progresif dan berdaya tahan. Dengan sokongan tuan-tuan dan puan-puan, saya yakin Seberang Perai mampu muncul sebagai model komuniti bandaraya terbaik.
10. Insya-Allah, MBSP akan terus memperkukuh platform perkhidmatan, terus menambah baik penyampaian dasar, dan terus mendekati rakyat. Seberang Perai akan menjadi lebih maju bukan sahaja melalui pembinaan infrastruktur, tetapi melalui pembinaan masyarakat yang kuat, bersatu dan penuh nilai kemanusiaan.
11. Maka dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya **merasmikan Program MBSP Santuni Komuniti** pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.